

**TINGKATAN 1
BAHASA MELAYU
CIKGU IRFAN**

Baca petikan di bawah dengan teliti, senaraikan perbandingan semacam yang terdapat dalam petikan di bawah. Kemudian, bina ayat dengan menggunakan perbandingan semacam tersebut.

ROCIM Robot Ciptaanku

**AKTIVITI**

Kenal pasti perbandingan semacam.

Pertandingan mencipta robot hanya tinggal tiga hari lagi. Sudah hampir sebulan aku cuba menggerakkan robot ciptaanku ini tetapi hampa. Kekecewaan ini membuatkan aku menjadi malas seperti keldai, malas untuk meneruskan usahaku selama ini. Hari ini aku sudah bertekad. Aku mesti meneruskan usahaku ini. Aku tidak mahu gagal di tengah jalan. Robot ciptaan yang aku namakan ROCIM ini mesti boleh bergerak hari ini. Ya, hari ini! Bukan esok atau lusa!

Aku memasukkan sejenis cecair yang dicipta khas ke dalam badan ROCIM. ROCIM masih tidak bergerak walaupun sudah hampir setengah jam aku menunggu reaksinya. 45 minit kemudian, tiba-tiba mata ROCIM mula berputar ligat seperti gasing. Aku menjerit gembira, gembira yang tidak terhingga. Robotku yang besar macam gajah itu sudah menunjukkan reaksi untuk bergerak. Kini, kakinya pula mula diangkat. ROCIM mula bergerak perlahan-lahan.

Binaan badan ROCIM yang berat macam batu itu membuat ROCIM bergerak perlahan dan lambat seperti siput. Aku ketawa sendirian melihat gelagat ROCIM. Pada dada ROCIM aku letakkan sekeping kaca tahan lasak yang jernih seperti cermin. Di situ lah terpancarlah cahaya yang mengeluarkan abjad untuk aku berkomunikasi dengan ROCIM. ROCIM mula mengeluarkan kata-kata di dadanya. Aku gembira tidak terkata. Robot ciptaanku yang gagah seperti gergasi ini mesti memenangi hadiah utama dalam pertandingan mencipta robot pada tahun ini. Aku mesti menang! Aku mesti!

NO.	PERBANDINGAN SEMACAM	MAKSUD
1		
2		
3		
4		
5		

NO.	PERBANDINGAN SEMACAM	BINA AYAT
1		
2		
3		
4		
5		

Angsa Putih Nenek

Sepanjang perjalanan ke kampung, Sufian sudah terbayang kehijauan sawah padi, anak sungai dan pokok rambutan gading di halaman rumah usang nenek. Senyuman nenek yang manis itu sudah terukir di matanya. Ah, rindunya kepada nenek! Terasa lambatnya kereta yang dipandu oleh ayah. Kata orang lambat macam kura-kura. Ibu selalu berpesan biar lambat asal selamat. Tiba sahaja di pekarangan rumah nenek, Sufian terus berlari memanjat tangga usang rumah nenek.

“Nenek, nenek!” panggil Sufian kuat. Kelihatan nenek muncul di muka pintu dengan senyuman bahagia.

“Wah, sudah sampai cucu nenek!”

Segala indah belaka jika bertamu di rumah Nenek Siah. Nenek memang memanjakan cucu sulungnya itu seperti menatang minyak yang penuh. Selepas menikmati hidangan tengah hari gulai ayam kampung nenek, Sufian meninjau-ninjau belakang rumah nenek.

“Nek masih pelihara angsa putih itu?” tanya Sufian.

“Ya, Pian, angsa inilah yang menjadi peneman nenek,” ujar Nenek Siah.

Sufian teringat kembali peristiwa tiga tahun yang lalu. Setiap kali pulang ke kampung pasti ada sesuatu yang mengganggu keseronokan Sufian menjelajah kampung neneknya itu. Peristiwa dia berlari pantas seperti kilat semasa diserang oleh angsa nenek terasa lucu sekali. Wajahnya ketika itu pucat seperti mayat. Amir dan Yusof yang kurus macam lidi pasti tidak mahu bertandang ke rumah nenek jika angsa kesayangan nenek itu berkeliaran di halaman rumah. Rancangannya untuk bermain perang-perang pasti terganggu. Pernah juga Sufian menyuruh Nenek Siah menjual angsa itu, tetapi nenek enggan.

Ternyata angsa putih yang garang itu turut berjasa kepada nenek. Bunyi bising tiga ekor angsa pada subuh hari telah mengejutkan kami yang sedang diulit mimpi. Rupa-rupanya, seorang pencuri yang dikejar angsa berjaya ditangkap oleh Pak Long Man, jiran nenek. Kini, baru Sufian tahu tentang sebab nenek tetap memelihara tiga ekor angsa itu dengan baik. Rasa kasihnya juga tumpah kepada angsa nenek yang putih macam kapas. Besar sungguh jasa angsa putih nenek!

*Dipetik daripada halaman 21,
 Tema 2: Beringat supaya Selamat,
 Buku Teks Tingkatan 1,
 Dewan Bahasa dan Pustaka*

NO.	PERBANDINGAN SEMACAM	MAKSUD
1		
2		
3		
4		

Lengkapkan perbandingan semacam di bawah

NO	PERBANDINGAN SEMACAM	NO	PERBANDINGAN SEMACAM
1	adil macam	26	mahal macam
2	angkuh macam	27	manis macam
3	bebas macam	28	masam macam
4	berani macam	29	masin macam
5	berat macam	30	merah macam
6	besar macam	31	merdu macam
7	bijak macam	32	nipis macam
8	bulat macam	33	pahit macam
9	busuk macam	34	pedas macam
10	cantik macam	35	panas macam
11	degil macam	36	rajin macam
12	gebu macam	37	rata macam
13	gelap macam	38	ramai macam
14	halus macam	39	ringan macam
15	hangat macam	40	riuh macam
16	harum macam	41	sabar macam
17	hijau macam	42	sejuk macam
18	hitam macam	43	sibuk macam
19	ikal macam	44	tajam macam
20	jahat macam	45	tawar macam
21	jernih macam	46	terang macam
22	jinak macam	47	tinggi macam
23	kencang macam	48	tumpul macam
24	lembut macam	49	wang macam
25	luas macam	50	zalim macam

NOTES: